



AGENDA PERJUANGAN BELIA DALAM BERPOLITIK PASCA PRU-14

[YOUTH STRUGGLE AGENDA IN POST GE-14 POLITICS]

NURHAZILAH MAMAT¹, NAZLI AZIZ¹, SITI KHATIJAH YASIN² & NIK FADHILAH NIK HIM²

¹ Universiti Malaysia Terengganu (UMT), 21300 Kuala Terengganu, Terengganu, MALAYSIA

² Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA

Corresponding Author: hazilhamamat@yahoo.com

Received: 29 May 2022

Accepted: 2 June 2022

Published: 30 June 2022

Abstrak: Belia merupakan penyumbang utama kepada sesebuah parti dari segi tenaga kerja atau pun idea. Penglibatan belia dalam politik mempunyai agenda dan matlamat tertentu yang sentiasa berubah mengikut peredaran semasa. Mereka berperanan membawa suara masyarakat kepada pemimpin tertinggi di dalam parti. Hal ini sekali gus merapatkan jurang sosial antara masyarakat dan pemerintah. Selain itu, belia juga memberi sumbangan penting kepada perkembangan politik negara. Mereka turut memainkan peranan yang penting dalam menukar sesebuah kerajaan serta bertindak sebagai ejen dalam mengukuhkan cengkaman sesebuah kerajaan. Artikel ini akan mengenal pasti apakah agenda perjuangan belia dalam berpolitik pasca PRU-14. Kajian ini menggariskan tiga objektif utama iaitu penglibatan belia dalam pilihan raya, agenda utama perjuangan belia dalam berpolitik dan melihat pengaruh media massa terhadap belia dalam pasca PRU-14. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah analisis konseptual melalui analisis dokumen terhadap penulisan dan kajian lepas yang berkaitan dengan skop kajian ini. Hasil kajian menunjukkan ketiga-tiga objektif utama mempengaruhi belia dalam berpolitik pasca PRU-14. Belia merupakan golongan yang terbesar dalam masyarakat kita hari ini. Justeru, kekuatan politik dalam sesebuah negara terutamanya di Malaysia sememangnya amat bergantung kepada penglibatan golongan belia memandangkan mereka ini bakal menentukan arah tuju dan masa depan negara.

Kata kunci: agenda perjuangan belia, Pilihan Raya, penglibatan belia, media massa.

Abstract: Youth is a major contributor to a party in terms of workforce or ideas. The involvement of youth in politics has certain agendas and goals that are constantly changing according to the current circulation. They have the role of bringing the voice of the community to the supreme leader in the party. This thus bridges the social divide between society and government. In addition, the youth also make a significant contribution to the political development of the country. They also play an important role in changing a government and act as agents in strengthening a government's grip. This article will identify what is the agenda of youth struggle in post-GE14 politics. This study outlines three main objectives, namely youth involvement in elections, the main agenda of youth struggle in politics and the influence of the mass media on youths in post-GE-14. The method used in this study is conceptual analysis through document analysis of past writings and studies related to the scope of this study. The results showed that all three main objectives of influencing youth in post-GE14 politics. Youth is the largest group in our society today. Thus, the political strength in a country especially in Malaysia is highly dependent on the involvement of the youths as they will determine the direction and future of the country..

Keywords: youth struggle agenda, Elections, youth engagement, mass media.

Cite This Article:

Nurhazilah Mamat, Nazli Aziz, Siti Khatijah Yasin & Nik Fadhilah Nik Him. 2022. Agenda Perjuangan Belia Dalam Berpolitik Pasca PRU-14 [Youth Struggle Agenda In Post GE-14 Politics]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 2(2), 46-51.

PENGENALAN

Belia merupakan aset terpenting dalam negara dan semakin mendapat perhatian pada masa kini untuk memastikan kejayaan serta kemakmuran sesebuah negara dapat dicapai. Jika dahulu golongan ini sering disisihkan, namun kini tidak lagi apabila situasi politik di Malaysia berubah selepas Pilihan Raya Umum ke-14 berakhir. Hal ini juga dapat dilihat apabila golongan belia di Malaysia kini telah mengambil serius hal ehwal politik Malaysia malahan bertindak dengan berani untuk mengubah pentadbiran kerajaan yang memerintah selama 60 tahun kepada sebuah kerajaan baru. Perubahan ini bukan sahaja memberi kesan kepada negara malahan telah membuka mata semua pihak bahawa golongan ini juga wajar diberi perhatian yang serius memandangkan mereka merupakan generasi pelapis dalam mentadbir negara.

Peningkatan arus kemodenan yang berlaku di seluruh negara secara langsung memberikan kesan yang besar kepada meningkatnya tahap penglibatan politik atau celik politik dalam kalangan golongan belia. Berbanding dengan golongan yang lebih berusia yang seringkali dilihat mengamalkan 'politik lama' seperti tidak berani berubah, golongan belia pula dilihat sebaliknya. Kesedaran meluas terhadap politik juga mampu menjadikan seseorang belia lebih kritikal. Ia dapat dilihat apabila terdapat segelintir pemimpin belia atau individu belia di negara ini yang berupaya menonjolkan diri mereka sebagai seorang yang berkaliber dan dihormati.

PENGLIBATAN BELIA DALAM PILIHAN RAYA

Pilihan raya umum merupakan elemen penting dalam negara Malaysia yang mengamalkan sistem demokrasi. Pilihan raya di Malaysia dibahagikan kepada dua iaitu pilihan raya umum dan pilihan raya kecil. Pilihan raya umum akan diadakan dalam tempoh setiap lima tahun sekali selepas pembubaran salah satu Dewan Parlimen manakala pilihan raya kecil tidak mempunyai tempoh masa yang tertentu (Perlembagaan Persekutuan Malaysia, Perkara 113). Penglibatan golongan belia dalam pilihan raya umum sangat penting kerana golongan ini merupakan tunjang utama kepada kesinambungan pembangunan sesebuah negara. Kekuatan politik dalam sesebuah negara sememangnya amat bergantung kepada penglibatan golongan belia memandangkan mereka ini bakal menentukan arah tuju dan masa depan negara.

Penglibatan dan penyertaan golongan belia dalam pilihan raya amat diperlukan bagi memilih parti yang bakal memerintah negara dan hal ini menyebabkan golongan belia wajar membuat pertimbangan yang sebaik mungkin agar masa depan rakyat dan negara akan terpelihara. Penglibatan politik menurut Munroe (2002), mentakrifkan sebagai sejauh mana rakyat menggunakan hak mereka untuk mempengaruhi atau melibatkan diri dalam aktiviti politik. Ia tidak terhad hanya untuk mengundi, sebaliknya ia adalah penglibatan dalam politik secara keseluruhan.

Kajian mengenai penglibatan golongan belia dalam politik ini sudah banyak dikaji oleh sarjana-sarjana Barat terutamanya penglibatan golongan belia di negara-negara maju. Hasil

kajian Norris (2017) menunjukkan golongan belia Britain mula cenderung terlibat dalam politik apabila parti politik negara itu telah bijak mengambil hati mereka. Semasa pilihan raya umum 2017 di Britain, James Corbyn iaitu pemimpin bagi Parti Buruh telah berjaya meraih undi dari golongan belia kerana keberkesanan manifesto yang dipersembahkan khas untuk golongan belia seperti pengurangan yuran pengajian di universiti, pertambahan peluang pekerjaan dan pertambahan bantuan kewangan pelajar. Hal ini menyebabkan Parti Buruh berjaya memenangi pilihan raya pada tahun itu sekali gus mengalahkan Parti Konservatif (Norris 2017; Sloam, Raqib & Henn 2018). Keadaan ini menunjukkan bahawa pemilihan golongan belia terhadap sesebuah parti politik itu bergantung kepada manifesto yang dibawa dan juga pemimpin parti tersebut.

Manakala, menurut kajian Oscarsson & Rosema (2019) menyatakan bahawa pemilihan untuk memilih parti politik ini bergantung kepada penawaran yang mampu diberikan kepada pengundi. Jika parti politik mampu mempersembahkan manifesto yang menarik serta boleh memahami kehendak golongan sasaran, maka sesebuah parti politik itu mampu memperoleh kemenangan yang besar kerana pengundi akan lebih tertarik dengan manifesto yang ditawarkan oleh sesebuah parti politik.

Mutakhir ini penglibatan golongan belia dalam perkembangan politik di Malaysia semakin meluas dan terbuka. Perubahan ini sejajar dengan kemajuan teknologi, proses pendemokrasian moden, dan pergerakan manusia tanpa sempadan. Golongan belia juga tidak terlepas dari arus pemodenan yang pesat melanda dunia kini. Keprihatinan dan penglibatan politik golongan belia yang semakin aktif ini adalah seiring dengan perubahan yang berlaku dalam masyarakat umumnya. Kajian Moten (2011), Saad dan Salman (2013) membuktikan berlaku peningkatan penglibatan politik masyarakat dari tahap yang dahulunya sederhana ke tahap yang lebih tinggi. Manakala kajian yang dijalankan oleh Mohd Nizar et al. (2017) pula menunjukkan bahawa kejayaan sesebuah parti dalam pilihan raya yang mendapat dukungan golongan belia masa kini banyak ditentukan oleh dasar yang bakal dibentuk seperti dinyatakan dalam manifesto, nilai yang ingin dibawa dalam pemerintahan oleh sesebuah parti dan calon yang berkaliber diketengahkan.

Berdasarkan perbincangan kajian-kajian lepas, penglibatan belia berada pada tahap yang memberangsangkan. Selain itu, penglibatan politik belia adalah sangat penting dalam politik negara Malaysia yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen. Penglibatan belia dalam berpolitik dapat dikaji dengan melihat kepada trend pengundian dalam pilihan raya umum. Selain itu,

AGENDA UTAMA PERJUANGAN BELIA DALAM BERPOLITIK

Penglibatan belia berpolitik dalam pilihan raya dapat dilihat melalui cara mereka terlibat dalam berkempen, keghairahan menzahirkan sokongan serta sifat agresif mereka dalam menggerakkan jentera parti politik. Trend pengundian belia amat signifikan dalam membantu kemenangan sesebuah parti politik, namun golongan ini juga inginkan idealisme mereka diketengahkan menjadikan undi kelompok ini menjurus kepada sokongan kepada pihak pembangkang.

Bagi pengundi belia, pemilihan seseorang calon wakil rakyat bukan hanya bergantung kepada faktor personaliti semata-mata, tetapi lebih kepada soal latar belakang calon dan juga

parti yang mereka wakili. Selain itu, trend pengundian belia juga banyak dipengaruhi soal yang berkait rapat dengan agenda kepentingan mereka. Antaranya seperti soal kenaikan kos yang membebaskan kehidupan harian, peluang pekerjaan, rumah mampu milik serta peluang pekerjaan yang kian terhad ditawarkan yang memerlukan penyelesaian segera. Menurut Yazid et.al, (2020), pengundi belia kini lebih matang dan lantang dalam bersuara mengenai isu yang dihadapi mereka selain sukar untuk terpengaruh dengan sentimen politik perkauman. Ini kerana mereka memandang ideologi ini sudah lapuk dan mereka lebih suka untuk fokus kepada masalah kehidupan seharian dan disebabkan itu mereka lebih cenderung memilih pemimpin yang boleh membela nasib mereka untuk jangka masa lima tahun akan datang.

Dalam konteks Malaysia, beberapa kajian telah membincangkan tentang golongan belia dan kecenderungan mereka untuk memilih calon dalam sesebuah pilihan raya. Menurut kajian Mohd Haziman (2017), mendapati pilihan raya umum 2008 (PRU-12), pola pengundian telah memperlihatkan perubahan yang signifikan golongan belia kepada pembangkang. Perubahan ini adalah disebabkan oleh rasa tidak puas hati belia terhadap BN sehingga terhakisnya hegemoni BN dan akhirnya mencetuskan tsunami politik. Trend yang sama turut berlaku dalam PRU-13 (2013) apabila BN sekali lagi memenangi pilihan raya dengan majoriti yang berkurangan, iaitu memenangi sebanyak 133 kerusi sahaja daripada 222 kerusi yang dipertandingkan. Kemerosotan pencapaian BN dalam PRU-13 adalah disebabkan oleh beberapa isu lama dan baharu dan juga kerana perubahan tingkah laku pengundi belia yang telah bersedia untuk memberi peluang kepada parti pembangkang.

Manakala dari aspek kecenderungan belia pula, Junaidi dan Mohd Fuad (2012), dalam kajian tentang keperluan belia dan pendapat politik di kawasan Parlimen Muar, mendapati bahawa kecenderungan belia memilih dari adalah dari aspek ekonomi. Ini disebabkan mereka inginkan peluang pekerjaan yang bersesuaian dengan kelayakan mereka di samping upah atau gaji yang sesuai dengan keadaan ekonomi semasa. Bagi aspek sosial pula, mereka menuntut supaya kemudahan jalur lebar internet diperluaskan di samping memperbanyakkan aktiviti yang bersesuaian dengan jiwa belia seperti aktiviti sukan dan rekreasi. Aspek pendidikan pula perlu diperbanyakkan pusat kemahiran serta pemberian biasiswa kepada pelajar yang layak dan memerlukan, seterusnya bagi aspek politik mereka berharap agar perlunya pemimpin yang jujur, bersih, amanah dan mementingkan rakyat atau pengundi di samping perlu diberi lebih ruang kepada mereka untuk berpolitik seterusnya menyuarakan pandangan mereka tentang politik semasa.

Kajian Norhayati (2008) pula berkenaan tentang tsunami politik Melayu pada PRU-12 merangkumi faktor dalaman dan faktor luaran parti. Faktor dalaman parti merujuk kepada calon-calon yang bertanding manakala faktor calon termasuklah calon muda yang berkarisma serta berpersonaliti menarik yang menjadi tarikan pengundi untuk mengundi sesebuah parti. Faktor luaran pula merujuk kepada isu-isu semasa seperti kenaikan kadar tol, harga barangan, berlakunya peningkatan kadar jenayah serius seperti pembunuhan dan rompakan, aduan rasuah, tuntutan kenaikan gaji pekerja akibat kenaikan kos sara hidup, tuntutan pelajar-pelajar universiti, tunjuk perasaan yang mahukan pilihan raya lebih adil, tunjuk perasaan oleh penduduk setinggan dan beberapa kes penyalahgunaan kuasa.

Berdasarkan kajian-kajian terdahulu, secara umumnya belia akan memilih parti mana yang dijangkakan dapat memenuhi agenda dan kehendak mereka. Pilihan mereka boleh dianggap rasional kerana telah mengambil kira keuntungan dan ganjaran yang akan diperolehi

berbanding dengan yang lain. Setiap individu belia mempunyai pandangan yang berbeza terhadap sesebuah parti atau pemimpin yang akan dipilih mereka.

PENGARUH MEDIA MASSA TERHADAP BELIA

Media massa memainkan peranan yang penting dalam membekalkan pelbagai maklumat kepada masyarakat sejak masa dahulu lagi. Pada zaman dulu, semua orang bergantung kepada media perdana sahaja untuk mendapatkan berita. Mereka lebih bergantung pada media cetak seperti akhbar, buku dan media elektronik khususnya radio dan televisyen. Setiap berita yang disampaikan adalah berdasarkan fakta. Namun pada masa kini, wujud media baru iaitu penggunaan internet. Penggunaan internet menjadi lebih meluas apabila wujud penggunaan *Facebook* sebagai medium untuk mendapatkan maklumat atau berita yang lebih pantas berbanding surat khabar. Namun, kesahihan maklumat yang diberikan adalah tidak dapat ditentukan. Internet menyediakan satu ruang siber bagi membolehkan masyarakat menyuarakan pendapat mereka secara bebas. Penglibatan politik masyarakat turut ditingkatkan apabila ruang bersuara diperluaskan (Mohd Fuad et al., 2012:76).

Mutakhir ini, perkembangan politik Malaysia dilihat lebih bersifat terbuka dan mempunyai perkaitan langsung dengan peranan dan pengaruh media sosial sebagai medium perantara penyebaran maklumat dan perkongsian informasi. Media sosial telah menular masuk dan menjadi agen penting penyebaran maklumat dalam senario politik Malaysia bukan sahaja membawa implikasi terhadap pengekalan status quo tetapi turut mempengaruhi bentuk pemikiran politik yang lebih kritis dan matang (Ali Salman & Mohd Safar 2011). Masyarakat umumnya termasuk golongan belia terpelajar turut menggunakan media sosial ini sebagai medium perbincangan dan perbahasan isu-isu semasa yang wujud di arena politik negara.

Menurut Junaidi et al. (2012), senario politik yang memerlukan maklumat yang cepat, dan juga kelemahan media tradisional sebagai penyampai maklumat menyebabkan rakyat mula beralih kepada medium komunikasi yang baru iaitu internet dan media digital. Media sosial telah menjadi salah satu platform utama untuk rakyat mendapat maklumat yang berkaitan dengan politik sesebuah negara termasuk Malaysia. Selain itu, internet dan media sosial juga turut membuka ruang yang baru dalam pendemokrasian capaian dan penyaluran maklumat yang berkaitan dengan politik.

Secara keseluruhannya, media massa seperti kempen, ideologi, manifesto dan *blog-blog* parti memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi fikiran golongan belia. Aplikasi ruang siber melalui penggunaan media alternatif seperti *blog*, *emel*, *Youtube*, *Facebook* dan *Twitter* telah memperluaskan lagi ruang bersuara belia dan secara tidak langsung meningkatkan penglibatan politik belia. Rakyat semakin berani untuk menyuarakan rasa tidak puas hati mereka dengan menggunakan ruang siber yang disediakan. Selain itu, persepsi politik belia terhadap isu-isu politik atau parti-parti pemerintah adalah penting dalam mempengaruhi keputusan pilihan raya umum terutamanya di negara Malaysia yang mengamalkan demokrasi

KESIMPULAN

Kepimpinan negara pada masa hadapan adalah bergantung kepada golongan belia pada masa kini. Mereka ini adalah merupakan golongan yang akan menentukan jatuh atau banggunya parti

politik dan pimpinan di negara ini. Selain itu, generasi belia merupakan golongan yang terbesar dalam masyarakat kita hari ini. Oleh itu adalah amat mustahil untuk meminggirkan pandangan dan pendapat mereka memandangkan mereka ini adalah golongan pelapis yang bakal menentukan jatuh bangunnya politik sesebuah negara.

RUJUKAN

- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Yahaya Ibrahim, Novel Lyndon, Khaidzir Hj. Ismail, Noor Aziah Mohd Awal, Jeniri Amir, Ahi Sarok, Rosmadi Fauzi, & Amer Saifude Ghazali. (2012). Kriteria pemilihan calon dan parti dalam Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri Sarawak. *Geografia: Malaysia Journal of Society and Space*, 8(4), 44-55.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Abdul Halim Sidek, Jeniri Amir, Novel Lyndon, Rosmadi Fauzi & Yahaya Ibrahim. (2012). Persepsi Politik Pengundi Belia Melayu Pasca Pilihan Raya Umum (PRU) 2008 di Malaysia. *Jurnal Melayu* 9: 191-214.
- Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali & Novel Lyndon. (2012). Akses kepada internet dan kesannya terhadap partisipasi politik di negeri Johor. *Geografia Online™ Malaysia Journal of Society and Space* 8(6), 76-89.
- Mohd Haziman Mahmood. (2017). Impak penyertaan pengundi muda dalam PRU 2013 terhadap politik Malaysia. *E-Bangi-Journal of Social Sciences and Humanities*, 2(2), 1-15.
- Mohd Nizar Sudin, Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar & Marlisa Abdul Rahim. (2017). Kerelevanan Calon Muda Menjelang Pilihan Raya Umum ke-14. *The 2nd International Conference on Communication, Media, Information Technology, Environment, Tourism, Politics, Arts and Heritage*. Conference Proceeding.
- Moten, A. R. 2011. Changing political culture and electoral behavior in Malaysia. *Asian Affairs: An American Review* 38(1): 39–56.
- Munroe, T. (2002). *An Introduction to Politics: Lectures for First Year Students*. Canoe Press University of the West Indies.
- Norhayati Mohd Saleh. (2008). Pilihan Raya Umum ke-12 (PRU-12): "Tsunami" politik Melayu? *Jebat*, 35, 49-64.
- Norris, P. (2017). Why the Younger Generation of Corbynistas? In Thorsen, T., Jackson, D. & Lilleker, D. *UK Election Analysis 2017: Media, Voters and the Campaign*, hlm 22-23. Poole: The Centre for the Study of Journalism, Culture and Community.
- Osarsson, H. & Rosema, M. (2019). Consideration Set Models of Electoral Choice: Theory, Method and Application. *Electoral Studies*. 57: 256-262.
- Saad, S., & Salman, A. 2013. The role of values and attitudes in political participation. *Asian Social Science* 9(8): 9-16.
- Sloam, J., Mohammad Raqib Ehsan & Henn, M. (2018). ‘Youthquake’: How and Why Young People Reshaped the Political Landscape in 2017. *Political Insight*. 4(1): 4-8.
- Yazid Saleh, Siti Noranizahhafizah Boyman, Hanifah Mahat, Mohmadisa Hashim, Nasir Nayan Saiyidatina Balkhis Norkhaidi, Samsudin Suhaili. 2020. Pola sokongan pengundi muda sebelum Pilihan Raya Umum ke 14 di Malaysia. *GEOGRAFIA Online Malaysian Journal of Society and Space* 16 issue 1. 80-94.